

## Emak

Oleh Ruzlinda binti Mustaffa

Pensyarah

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Emak

Indahnya menyebut panggilan itu saat kau masih mam-  
pu menyahutnya

Bahagiaanya menyedari bahawa namaku masih disebut  
saat kau berdoa

Semoga segala apa yang kau doakan untuk anak-  
anakmu dimakbulkan oleh Yang Esa

Kerana doamu untuk anak-anakmu adalah tanpa hijab,  
itu janjinya

Emak

Duit yang kuhulur untukmu takkan mampu membayar  
perit jerihmu membesarkanku

Kerana membesarkanku adalah pengorbanan maha  
agungmu

Airmata yang kau titiskan kerana luluhnya hatimu dek  
kerana kurangnya adabku

Betapalah engkau masih mendoakanku, menyayangiku,  
tanpa jemu

Emak

Darah yang kau tumpahkan sewaktu melahirkanku

Air susumu yang mengenyangkanku

Airmata Bahagia mahupun kecewa dengan segala ting-  
kahku

Hatta titik peluhmu berseking mata menjaga sakit  
demamku

Mencari sesuap nasi demi membesarkanku

Takkan mampu ku balas jasmu

Walau segunung emas kuletakkan dihadapanmu

Emak

Senang hatimu saat melihat anak-anakmu bahagia ber-  
sama keluarga

Pandailah engkau wahai anak melayar bahtera

Wahai isteri, bantu suamimu untuk tetap taat pada  
ibunya

Wahai suami, bimbing isterimu yang telah diamanahkan  
kepadamu untuk dijaga

Emak

Usiamu semakin senja

Kekuatanmu semakin tiada

Sakit pula di sini di sana

Perasaanmu begitu cepat terasa

Wahai anak

Apa yang kau kecapai hari ini

Kerana doa emak yang selalu mengiringi

Bersama restu dari Ilahi

Kau hebat kerana si tua yang berdoa buatmu pada dini-  
hari

Itu yang perlu kau sedari

Wahai anak

Cuba fahamilah dia

Emak tidak semakin muda

Kudrat emak telah tiada

Entahkan esok

Entahkan lusa

Bakal dijemput Allah Ta'ala

Wahai anak

Sebelum emak menutup mata

Telah emak maafkan kamu semua

Namun emak tetap mahu meminta

Berbaiklah kamu sesama saudara

Kerana itu kunci ke syurga

